

BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SOALAN TRIAL / SPM 2026 (SAINS)



TAJUK POPULAR : TRIAL SPM

Apakah yang akan dibincangkan?



CIKGU MARZUQI

Pakar Sains & Kimia SPM

1. Strategi Lulus **Sains**
2. Memahami Konstruk Soalan
3. Strategi Menjawab Kertas **Sains**
4. Mengenal Pasti Soalan Kekerapan / Soalan Target
5. Persediaan Trial Negeri-negeri 2026

TEKNIK MENJAWAB SAINS

OLEH
**CIKGU
MARZUQI**
PAKAR SUBJEK
SAINS

& TAJUK POPULAR
TRIAL SPM 2026

APA AKAN DISENTUH :

- 1 Strategi lulus Sains
- 2 Memahami konstruk soalan
- 3 Strategi menjawab Kertas Sains
- 4 Mengenal pasti Soalan Kekerapan / Soalan Target Trial SPM 2026
- 5 Persediaan Trial negeri- negeri 2026



HARI :
JUMAAT



TARIKH :
**10 JULAI
2026**



JAM :
8.30 - 9.30PM

APLIKASI :



zoom

Bersama Cikgu Marzuqi pakar analisis soalan Sains dan berpengalaman mengajar **15 tahun** dan menganalisis hampir **10 tahun** !

**PERCUMA!
PERCUMA!**

Strategi Lulus Sains

Strategi untuk memperoleh **A+** dalam subjek sains **SPM 2026**

Gred A to A+		
Kertas 1	Kertas 2	Gred
30 - 35	55 - 65	85 - 100/120 = 70 – 83 %
Gred C to B+		
Kertas 1	Kertas 2	Gred
20 - 30	40 - 54	60 - 80/ 120 = 50 – 69 %
Gred Lulus to D		
Kertas 1	Kertas 2	Gred
18 - 20	30 - 39	60 - 80/ 120 = 40 – 49 %

Cara Skor A+ **Kertas 2**

Bahagian A	18/20
Bahagian B	24/38
Bahagian C	18/22
60 markah	

Memahami Konstruk Soalan

KERTAS 2 (1511/2 Struktur & Esei)

Bahagian A: 20 markah 4 item (Jawab **semua** soalan)

No. Soalan	Konstruk	Markah
Soalan 1	Kemahiran saintifik (5)	5
Soalan 2	Kemahiran saintifik (5)	5
Soalan 3	Kemahiran saintifik (5)	5
Soalan 4	Kemahiran saintifik (5)	5

Bahagian B: 38 markah 6 item (Jawab **satu** soalan)

No. Soalan	Konstruk	Markah
Soalan 5	Mengingat (2), Memahami (4)	6
Soalan 6	Mengingat (2), Memahami (4)	6
Soalan 7	Mengingat (2), Memahami (2), Mengaplikasi (2)	6
Soalan 8	Mengingat (2), Memahami (2), Menganalisis (2)	6
Soalan 9	Mengingat (1), Memahami (1), Mengaplikasi (1), Menganalisis (1) dan Merekacipta (3)	7
Soalan 10	Mengingat (1), Memahami (1), Mengaplikasi (1), Menganalisis (1) dan Merekacipta (3)	7

Bahagian C: 22 markah 3 item (Jawab **satu** soalan 11 dan pilih **satu** daripada soalan 12 atau soalan 13)

No. Soalan	Konstruk	Markah
Soalan 11	Kemahiran saintifik (10)	10
Soalan 12	Mengingat (2), Memahami (2), Mengaplikasi (4) dan Menganalisis (4)	12
Soalan 13	Mengingat (2), Memahami (2), Mengaplikasi (4) dan Menganalisis (4)	12
	JUMLAH	80


Strategi Menjawab Kertas Sains

BAHAGIAN A / C

Kemahiran saintifik	
Bahagian A (20 markah)	
Soalan 1	Penjadualan data Lukis graf Bukti pemerhatian
Soalan 2	Nyatakan bacaan Ramalkan Hubungan Alasan pemerhatian (inferens)
Soalan 3	Catat bacaan Cara mengawal (pemboleh ubah bergerak balas / faktor yang diperhatikan) Bukti hipotesis DSO
Soalan 4	Pemerhatian Inferens Pemboleh ubah dimalarkan / faktor yang ditetapkan / faktor yang dikawal Alasan kejituan
Bahagian C (10 markah)	
Soalan 11	Pernyataan masalah Hipotesis Pemboleh ubah dimanipulasikan / Faktor yang diubah Cara mengawalnya Pemboleh ubah bergerak balas / Faktor yang diperhatikan Cara mengawalnya Lakaran susunan radas Penjadualan data Langkah berjaga-jaga Jangkaan pemerhatian Aspek yang perlu diperlukan untuk melukis carta palang eksperimen Kesilapan yang mungkin berlaku semasa eksperimen

1. Membuat pemerhatian

Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan satu eksperimen bagi mengkaji kesan larutan berbeza terhadap pengoksidaan buah epal yang direndam selama 1 minit dan kemudian dibiarkan terdedah kepada udara selama 15 minit.



Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen ini.

Jenis larutan Type of solution	Keadaan epal Condition of an apple
Air Suling Distilled water	Menjadi perang Become brown
Jus oren Orange juice	Tiada perubahan No change

Jadual 1
Table 1

Arahan soalan:

Nyatakan **pemerhatian** bagi eksperimen ini.

Jawapan:

Hirisan buah epal pada **rajah 1.1** berubah menjadi warna perang manakala hirisan buah epal pada **rajah 1.2** tidak berubah warna.

2. Hipotesis

Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen ini.

PM	PB
Jenis larutan Type of solution	Keadaan epal Condition of an apple
Air Suling Distilled water	Menjadi perang Become brown
Jus oren Orange juice	Tiada perubahan No change

Jadual 1
Table 1

- ✓ Jika...**PM**.....maka.....**PB**...
- ✓ Semakin...**PM**.....semakin..**PB**...

Arahan soalan:

Nyatakan **hipotesis** bagi eksperimen ini.

Jawapan:

Jika hirisan buah epal direndam dalam air suling maka hirisan epal berubah warna perang. ✓1m


atau

Jika hirisan buah epal direndam dalam jus oren maka tiada perubahan berlaku/ hirisan epal tidak berubah warna. ✓1m


3. Tujuan eksperimen

SPM 2022

Rajah 2(a) dan Rajah 2(b) menunjukkan keputusan bagi eksperimen. Dua kanta yang berlainan jenis yang mempunyai jarak fokus yang sama digunakan untuk memerhatikan imej bagi suatu **objek jauh**.



Rajah 2(a)



Rajah 2(b)

✓ Untuk mengkaji ...**PB**.... oleh**PM**...

PB : ciri-ciri imej yang terbentuk

PM : kanta cembung dan kanta cekung

Arahan soalan:


Nyatakan **tujuan** eksperimen.

Jawapan:

Untuk mengkaji ciri-ciri imej yang terbentuk oleh kanta cembung dan kanta cekung bagi objek jauh. ✓**1m**

4. Pembolehubah / Faktor

Rajah 3 menunjukkan eksperimen yang dijalankan untuk membandingkan kekerasan aloi dan logam tulen apabila pemberat dijauhkan ke atas bebola keluli.



Rajah 3

Jenis bongkah	Diameter lekukan
Kuprum	0.7 cm
Gangsa	0.5 cm

Faktor yang perlu diubah (**PM**)
 Faktor yang perlu dikawal (**PML**)
 Faktor yang perlu diperhatikan (**PB**)

PM: berubah/berbeza

PB: kesan tindakan selepas pemerhati

PML: tetap/sama

Arahan soalan 1: PM

Nyatakan pemboleh ubah **dimanipulasikan**.

Jawapan:

Jenis bongkah ✓1m

Arahan soalan 2:

Cara bagaimana untuk mengawal faktor yang **perlu diubah**.

Jawapan:

Dengan menggunakan jenis bongkah yang berbainan. ✓1m

Arahan soalan 1: PB

Nyatakan pemboleh ubah **bergerak balas**.

Jawapan:

Diameter lekukan ✓1m

Arahan soalan 2:

Cara bagaimana untuk mengawal faktor yang **perlu diperhatikan**.

Jawapan:

Dengan mengukur diameter lekukan ✓1m

Arahan soalan 1: PML

Nyatakan pemboleh ubah **dimalarkan**.

Jawapan:

Ketinggian / Jisim pemberat ✓1m

Arahan soalan 2:

Cara bagaimana untuk mengawal faktor yang **perlu dikawal**.


Jawapan:

Dengan menetapkan ketinggian pemberat

Dengan menetapkan jisim pemberat yang sama ✓1m

5. Definisi secara operasi

Rajah 3 menunjukkan eksperimen yang dijalankan untuk membandingkan kekerasan aloi dan logam tulen apabila pemberat dijatuhkan ke atas bebola keluli.



Rajah 3

Jenis blok	Diameter lekukan
Kuprum	0.7 cm
Gangsa	0.5 cm

Istilah ialah suatu yang menyebabkan + pemerhatian **apabila** tindakan

Istilah adalah suatu (bahan/proses/tindak balas) yang menunjukkan + pemerhatian **apabila** tindakan

Arahan soalan:

Nyatakan **definisi secara operasi** bagi aloi.

Jawapan:

Aloi ialah suatu bahan yang menyebabkan diameter lekukan lebih kecil apabila pemberat dijatuhkan ke atasnya. ✓1m

6. Membuat inferens

Kepetusan eksperimen.

Jenis blok	Diameter lekuk
Kuprum	0.7 cm
Gangsa	0.5 cm

Jadual 1

Inferens: sebab terhadap pemerhatian

Pemerhatian:

Diameter lekuk kuprum lebih dalam/besar berbanding gangsa

Diameter lekuk gangsa lebih cetek/kecil verbanding kuprum

Arahan soalan:

Nyatakan **inferens** berdasarkan Jadual 1



Jawapan:

Kerana kuprum kurang keras/kuat berbanding gangsa ✓1m

Kerana gangsa lebih keras/kuat daripada kuprum ✓1m

7. Ukur guna nombor SPM 2022

Rajah 2.1 menunjukkan susunan radas bagi mengkaji faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas antara 50 cm^3 larutan natrium tiosulfat 0.2 mol dm^{-3} dengan 5 cm^3 asid sulfurik 1.0 mol dm^{-3} .



Rajah 2.2
Diagram 2.2

Arahan soalan:

Berdasarkan Rajah 2.2, **lengkapkan** masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan pada suhu 50°C dalam Jadual 2.

Jawapan:

Jadual 2 menunjukkan masa untuk tanda 'X' tidak kelihatan pada suhu yang berbeza.
Table 2 shows the time taken for sign 'X' no longer visible at different temperatures.

Suhu ($^\circ\text{C}$) Temperature ($^\circ\text{C}$)	Masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan (s) Time taken for sign 'X' no longer visible (s)
28	33
35	24
40	19
45	16
50	14 ✓1m

Jadual 2

7. Hubungan

Apabila ...PM..., makaPB....

Arahan soalan:

Nyatakan **hubungan** antara suhu dengan masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan.

Jawapan:

Apabila suhu **bertambah**, maka masa yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan **berkurang**. ✓1m

8. Meramalkan

Jangkaan selepas pemerhatian:
Semakin berkurang / bertambah / tidak berubah

Arahan soalan:

Apakah yang akan berlaku kepada **masa** yang diambil untuk tanda 'X' tidak kelihatan apabila suhu 60°C ?

Jawapan:

Semakin berkurang ✓1m

REKA CIPTA

Arahan soalan:

Kebakaran boleh berlaku pada bila-bila masa sekiranya kita cuai, terutamanya di dapur rumah kita sendiri. Namun, kebakaran kecil boleh dipadamkan dengan mudah jika kita tahu cara untuk **mencipta alat pemadam kebakaran ringkas**.

Menggunakan bahan-bahan yang diberikan, lengkapkan **langkah** berikut untuk mencipta alat pemadam kebakaran ringkas di rumah.

Fires can happen at any time if we are careless, especially in the kitchen of our own home. However, small fires can be put out easily if we know how to create a simple fire extinguisher.

Using the materials provided, complete the following steps to create a simple fire extinguisher at home.

- Botol gel mandian
Shower gel bottle
- Air
Water
- Cuka
Vinegar
- Soda bikarbonat
Bicarbonate of soda
- Tisu
Tissues
- Benang
Thread

Cadangan jawapan:

Langkah-langkah / Steps:

1. Masukkan cuka dan air ke dalam botol gel mandian sehingga dua per tiga penuh.
Put vinegar and water into a shower gel bottle until it is two-thirds full.
2. Letakkan soda bikarbonat di atas sekeping tisu dan lipat tisu itu.
Place bicarbonate of soda on a piece of tissue and fold the tissue.

3. Ikut tisu menggunakan benang dan gantungkan di dalam botol gel mandian tanpa menyentuh campuran cecair.

Tie the tissue using thread and hang it inside the shower gel bottle without touching the mixture of liquids.

4. Goncangkan botol gel mandian untuk memastikan bahan-bahan di dalam botol bercampur.

Shake the shower gel bottle to ensure that the ingredients in the bottle are mixed.

5. Halakan muncung botol ke arah api untuk memadamkannya.

Point the nozzle of the bottle towards the flame to extinguish it.

Tips:

- Semua bahan ditulis dalam langkah
- Langkah mengikut susunan yang betul dan sesuai


✓1m

✓1m

Arahan soalan:

Kebakaran boleh berlaku di dalam rumah yang mempunyai peralatan elektrik dan gas. Dengan menggunakan bahan-bahan asas seperti cuka, serbuk penaik, penyedut minuman dan botol air mineral 1.5 L, lakarkan reka bentuk alat pemadam kebakaran ringkas berserta label.

Fires can occur in houses that have electrical and gas equipment. Using basic materials such as vinegar, baking powder, drinking straw and a 1.5 L mineral water bottle, sketch a simple fire extinguisher with label.

Cadangan jawapan:**Tips:**

- Semua bahan dilukis dan berfungsi
- Semua bahan dilabelkan

Soalan berkaitan Pola

2. Jadual 2 menunjukkan jumlah sisa buangan di suatu tapak pelupusan sampah

Tahun	Jumlah populasi (x1000)	Jumlah sisa (kg/kapita/hari)	Jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan (kg)
2011	562.60	0.84	172493.16
2012	596.90	0.86	187366.91
2013	633.30	0.88	203415.96
2014	672.00	0.90	220752.00

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, huraikan pola jumlah sisa yang dibuang.

[4 markah]

Pola :

- Peningkatan jumlah sisa ✓
- Jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan meningkat/ jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan pada tahun 2014 lebih banyak berbanding tahun 2011 ✓

Penerangan: (kesan/punca/keburukan/kebaikan/penambah baik)

Berlakunya pertumbuhan populasi ✓

Kurang kesedaran manusia ✓

Peningkatan sosioekonomi ✓

Sikap manusia yang tidak bertanggungjawab ✓

Mengenal pasti Soalan Kekerapan / Soalan Target

Bahagian A / Bahagian C (Kemahiran saintifik)	
Soalan 1 – 4 Soalan 11	Tingkatan 4 - Kadar denyutan nadi✓a/c - Membandingkan kekuatan tulang yang padat dan tulang yang berongga.✓c24✓c23✓a/c - Pola pertumbuhan anak benih kacang hijau✓c25 ✓a - Pengoksidaan hirisan epal✓c24✓c23✓a/c - Membanding ciri - ciri aloi dan logam tulennya✓c24 ✓c23✓c22✓a/c - Menentukan nilai pecutan graviti bumi, g✓c23 ✓a - Mengkaji keadaan jatuh bebas dan bukan jatuh bebas✓a - Mengkaji hubungan antara jisim dan inersia✓c24✓c23✓c21✓c Tingkatan 5 - Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma.✓c25✓c22✓c21✓a/c - Menganggarkan nilai kalori dalam sampel makanan✓c25✓c23✓c21✓a - Kesan kekurangan makronutrien kepada tumbuhan✓c22✓c21✓a/c - Mengkaji saiz/suhu bahan tindak balas terhadap kadar tindak balas✓c25✓c24✓c23✓c21✓a/c - Menghasilkan sabun melalui proses saponifikasi✓c23
Bahagian B / Bahagian C (Teori)	
Soalan 5 – 8 Soalan 12 - 13	Tingkatan 4 - Bantuan Kecemasan ✓ - BMI / Suhu✓ - Teknologi hijau dalam melestarikan alam✓ - Koordinasi badan✓ - Molekul / isotop - Aloi / seramik / polimer - Jatuh bebas - Tenaga nuklear✓ Tingkatan 5 - Kelestarian alam sekitar✓ - Nutrisi dan teknologi makanan✓ - Sebatian karbon - Teknologi angkasa lepas
Reka bentuk / Langkah penyediaan	
Soalan 9 - 10	- Reka bentuk alat pemadam kebakaran✓ - Reka bentuk alat penyimpanan makanan - Reka bentuk bekas tanaman - Reka bentuk kincir angin - Reka bentuk tungkat kaki✓ - Reka bentuk Payung terjun - Bebola lumpur EM✓ - Kompos ✓ - Reka bentuk penyapu - Penapaian - Elektrolisis✓ - Kanta✓ - Kren - Reka bentuk satelit


Persediaan Trial Negeri-negeri 2026

Bahagian A

MLK 24

2. Rajah 2 menunjukkan pertumbuhan bakteria bagi dua piring petri selepas 7 hari disimpan pada suhu 37°C di tempat yang gelap.

Diagram 2 shows the growth of bacteria for two petri dishes after 7 days stored at a temperature of 37 °C in a dark place.



Rajah 2
Diagram 2

- a) Nyatakan **satu** hipotesis bagi eksperimen ini.
*State **one** hypothesis for this experiment.*

[1 markah]

[1 mark]

- b) Berikan **satu** inferens berdasarkan pemerhatian bagi Rajah 2.
*Give **one** inference based on the observation of Diagram 2.*

[1 markah]

[1 mark]

c) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan:

Based on this experiment, state:

i) Faktor yang diperhatikan.
Factor that been observed,

.....

ii) Nyatakan **satu** cara mengawal faktor yang dinyatakan di 2(c)(i).
*State **one** way to control the factor that is stated in 2(c)(i).*

.....

[2 markah]

[2 marks]

d) Berikut merupakan data yang diperolehi oleh sekumpulan murid selepas mengulang eksperimen dengan menggunakan kepekatan antibiotik yang berbeza.

The following is the data obtained by a group of students after repeating the experiment using different concentrations of antibiotics.

Kepekatan Antibiotik (%) Concentration of antibiotic (%)	Diameter Kawasan Jernih (cm) Diameter of Clear Area (cm)
50	5

Berdasarkan maklumat pada Rajah 2, buktikan anda menyokong data yang dikumpul.

Based on the information in Diagram 2, prove that you support the collected data.

.....

.....


[1 markah]

[1 mark]

Bahagian B

PRK 24

6. Rajah 6.1 menunjukkan sejenis produk sebatian karbon dalam industri.
Diagram 6.1 shows a type of carbon compound product in an industry



Rajah 6.1
Diagram 6.1

- (a) Nyatakan unsur utama yang terdapat dalam sebatian karbon.
State the main elements in carbon compounds.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (b) Berdasarkan Rajah 6.1,
Based on Diagram 6.1,

- (i) nyatakan satu sifat fizik bagi cecair P.
state one physical property for liquid P.

.....
[1 markah]
[1 mark]

- (ii) Seorang murid ingin melakukan eksperimen makmal untuk menghasilkan cecair P.
Terangkan satu proses yang boleh digunakan untuk menghasilkan cecair P.
*A student wants to carry out a laboratory experiment to produce liquid P.
Explain one process that can be done to produce liquid P.*

Proses / Process :

Penerangan / Explanation :

.....
[2 markah]
[2 marks]

- (c) Jadual 3 menunjukkan peratus kesan penyalahgunaan cecair P berlebihan mengikut jantina.

Table 3 shows the percentage of the effects of excessive liquid P abuse by gender.

Lelaki Male	Kesan penyalahgunaan cecair P berlebihan Effects of excessive liquid P	Perempuan Female
17.6 %	Kemalangan jalan raya Accident	10.9 %
16.8 %	Sirosis hati Liver cirrhosis	16.2 %
2.2 %	Kanser hati Liver cancer	0.6 %

Jadual 3
Table 3

Berdasarkan Jadual 3, terangkan mengapa lelaki lebih cenderung mengambil cecair P berbanding perempuan?

Based on Table 3, explain why male is more likely to consume liquid P compared to female?

.....

.....

[2 markah]
[2 marks]

Bahagian C

Rajah 6 menunjukkan perbualan dua orang murid.

Diagram 6 shows a conversation between two pupils.



Berdasarkan situasi tersebut, jalankan suatu penyiasatan untuk mengkaji kadar denyutan nadi. Penyiasatan anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:

Based on the situation, carry out an investigation to study pulse rate. Your investigation must contain the following aspects:

- (a) Pernyataan masalah.

Problem statement.

[1 markah/mark]

- (b) Hipotesis.

Hypothesis.

[1 markah/mark]

- (c) Faktor yang perlu diubah dan cara untuk mengawalinya.

Factor that needs to be changed and way to control it.

[2 markah/marks]

- (d) Prosedur

Procedure

[3 markah/marks]

- (e) Penjadualan data.

Tabulation of data.

[1 markah/mark]

- (f) Dua langkah berjaga-jaga.

Two precautionary steps.

[2 markah/marks]

PNG 24

- 12** (a)(i) Indeks jisim tubuh (BMI) perlu dikira semasa menjalankan ujian SEGAK. Nyatakan dua ukuran yang perlu diambil untuk mengira BMI.
Body mass index (BMI) should be calculated during the SEGAK test. State the two measurements that should be taken to calculate BMI.

[2 markah / 2 marks]

- (ii) Indeks Jisim Badan (BMI) murid A ialah 31.0 kg m^{-2} . Nyatakan 2 risiko yang mungkin dihadapi oleh murid A.
Student A's Body Mass Index (BMI) is 31.0 kg m^{-2} . State 2 risks that may be faced by student A.

[2 markah / 2 marks]

- (b) Maklumat di bawah menunjukkan Indeks Jisim Badan bagi dua orang murid.
The information below shows the Body Mass Index for two students.

Murid A Student A	Murid B Student B
17.0 kg m^{-2}	32.0 kg m^{-2}

Jadual 12.1
Table 12.1

Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh murid A dan murid B untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Explain the steps that must be taken by student A and student B to overcome their problem.

[4 markah / 4 marks]

- (c) Rajah 12 menunjukkan dua menu makanan.
Figure 12 shows two foods menu.

Nasi putih <i>White rice</i> Kari ayam <i>Chicken curry</i> Sayur bayam <i>Spinach</i> Tembikai <i>Watermelon</i> Air kosong <i>Plain water</i>	Nasi impit <i>Rice cube</i> Sate <i>Satay</i> Kuah kacang <i>Peanut sause</i> Mangga <i>Mango</i> Kopi <i>Coffee</i>
Menu A	Menu B

Rajah 12
Diagram 12

Ali yang mempunyai BMI 28 kg m^{-2} . Dia memilih menu A sebagai menu pilihannya.

Wajarkan pilihan Ali.

*Ali who has a BMI of 28 kg m^{-2} . He choose menu A as his preferred menu.
Justify Ali's choice.*

[4 markah / 4 marks]

**DAPATKAN MODUL PECUTAN AKHIR
TRIAL/SPM 2026**

Telegram admin Cikgu : @pembantuadmin_2026



MODUL PECUTAN AKHIR
SPM 2026
SAINS
1511 / 1 & 1511 / 2
Guru Pakar Analisis
Skor A+
7 Set Soalan
Jawapan Lengkap
Penggubal: Cikgu Marzuqi
Dwibahasa
EDIT.org

Ditulis oleh Cikgu Marzuqi (**Pakar SAINS A+**) SPM 2026

**DAPATKAN KOLESKI SOALAN REKA BENTUK
TRIAL/SPM 2026**

Telegram admin Cikgu : @pembantuadmin_2026



**Koleksi Soalan
Reka Bentuk /
Pengubahsuaian /
Langkah**

SPM 2026

**SAINS : FORM 4 & 5
Topikal**

**JAWAPAN
ONLINE**

Form 4 Form 5



Disusun oleh Cikgu Marzuqi